

## **BAB 4: KANDUNGAN, MATLAMAT, DAN PENGURUSAN “KARYANET”**

### **4.1 Pengenalan Portal Karyanet**


Karyanet ialah portal atau gerbang web penerbitan dalam talian *on-line publishing*. Penerbitan dalam talian bermaksud, semua proses penerbitan karya dari peringkat pembinaan judul, penulisan, penyuntingan, sehingga karya diterbitkan dan dijual akan dilaksanakan melalui talian dalam portal Karyanet.

Portal Karyanet adalah projek usahasama antara DBP dengan syarikat IGD. Kini projek ini telah mendapat pengiktirafan Status MSC. Persediaan DBP membantu kerajaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama mengisi semua keperluan infrastruktur dan konsep dalam koridor Raya Multimedia (MSC) adalah satu langkah yang bijak untuk mendekatkan diri dalam dunia teknologi moden.

Penciptaan Karyanet merupakan satu penciptaan portal yang bersifat pusat sehenti atau *one stop centre*, yang memberi tumpuan kepada aktiviti pembangunan komuniti dan perlaksanaan program dalam talian. Komuniti Karyanet terdiri daripada penulis, penilai, penterjemah, editor, pereka grafik, penerbit dan sesiapa sahaja yang terlibat dalam dunia penerbitan, peniaga serta pembaca. Program yang dilaksanakan pula ialah E-Karyawan, E-Pustaka, dan E-Penerbitan. Karyanet menyediakan bahan bacaan ilmiah dan

rujukan serta bahan bacaan lain yang sesuai untuk semua peringkat dan semua lapisan masyarakat.

Rajah 4.1: Carta Organisasi Karyanet (Unit Multimedia) di Dewan Bahasa dan Pustaka



#### **4.1.1 Matlamat Karyanet**

- Mengaktifkan semula penerbitan buku ilmiah dan buku pengajian tinggi dalam pelbagai bidang dalam bahasa Melayu melalui media web.
- Meningkatkan mutu dan bilangan bahan bacaan berbentuk informatif dan kreatif dalam pelbagai bidang dan peringkat.
- Menyediakan pusat sumber untuk kemudahan penulis dan pembaca mendapatkan bahan rujukan seperti buku, ensiklopedia, majalah, kamus, istilah dan daftar ejaan.

#### **4.1.2 Visi**

Visi portal Karyanet adalah untuk menyediakan suatu rangkaian komuniti yang bersepada dan berwibawa dalam mempercepatkan penghasilan dan penerbitan sesebuah karya yang melibatkan penulis, editor, pereka bentuk, pelukis dan penerbit. Selain itu juga ia dianggap menjadi pemangkin dalam menggalakkan aktiviti bahasa, sastera dan penerbitan.

#### **4.1.3 Wawasan**

Wawasan utama portal Karyanet adalah untuk menyediakan prasarana bagi kegiatan e-dagang bagi mempromosi dan menjual e-buku, di samping merupakan projek nasional yang

akan memberi tumpuan kepada pembinaan masyarakat berilmu.

#### 4.3 Ruangan Utama Portal Karyanet

Terdapat empat ruangan utama portal Karyanet yang terdiri daripada Laman Utama, Laman e-Pustaka, e-Karyawan dan e-Penerbitan

PENJANA GEDUNG DIGITAL ILMIAH BAHASA MELAYU

The screenshot shows the main navigation bar with links to Laman Utama, E-Pustaka, E-Kamus, E-Karyawan, and E-Penerbitan. Below this, a banner promotes 'DAPATKAN BAHAN-BAHAN TERBITAN KAMI' with categories: Agama Islam, Bahasa, Sains dan Teknologi, Sains Sosial dan Kemanusiaan, and Sastera. A welcome message 'Selamat Datang Pelawat ke KaryaNet' is displayed. Another banner for a competition offers RM 78,000.00. The page also features three main service sections: E-Pustaka, E-Karyawan, and E-Penerbitan, each with sub-links.

Laman Utama    E-Pustaka    E-Kamus    E-Karyawan    E-Penerbitan

**DAPATKAN BAHAN-BAHAN TERBITAN KAMI**

| Agama Islam || Bahasa || Sains dan Teknologi ||  
| Sains Sosial dan Kemanusiaan || Sastera |

Selamat Datang Pelawat ke KaryaNet

**PERADUAN CEREKA DAN PUSSI SAINS KARYANET**  
Menangi hadiah-hadiah yang bermakna

Klik untuk penyertaan    **RM78,000.00**

**DAPATKAN E-BUKU KARYANET**  
**70%** lebih **MURAH**  
daripada harga pasaran buku bercetak

klik untuk keterangan lanjut

**E-Pustaka**

10 Buku Paling Laris  
Cari Bahan  
Katalog

**E-Karyawan**

Hantar Manuskrip  
Jual Karya Anda  
Royalti

**E-Penerbitan**

Khidmat Pendigitalan  
Khidmat Penterjemahan  
Kadar Bayaran

#### **4.3.1 Laman Utama**

Laman utama ialah laman yang mula-mula dipaparkan. Laman ini terdiri daripada menu E-Pustaka, E-Karyawan, E-Penerbitan, E-mel, Forum, Berita, Kalendar, Kamus, Istilah, Ensiklopedia dan Majalah dan sebagainya.

Sesiapa sahaja boleh melawat Laman Utama dan meninjau segala kemudahan yang disediakan oleh portal Karyanet. Pengguna juga boleh mendapatkan maklumat dan perkhidmatan percuma yang disediakan dalam komuniti. Pengguna boleh membeli buku dan bahan terbitan Karyanet yang lain.

Melalui Laman Utama, pengguna boleh mendaftar untuk menjadi ahli karyanet atau menjadi Karyawan Karyanet. Sekiranya mendaftar menjadi ahli maka pengguna akan mendapat lebih banyak maklumat dan kemudahan yang disediakan, misalnya e-mel, forum, atau ruangan Lamanku untuk membina laman web sendiri.

---

#### **4.3.2 E-Karyawan**

E-Karyawan merupakan tempat karyawan berkarya menghasilkan penulisan mereka sama ada buku ilmiah, buku informatif, buku kanak-kanak, novel, puisi dan sebagainya. Di sini juga orang ramai boleh

mengasah bakat mereka dengan belajar daripada penulis berpengalaman. Portal Karyanet menyediakan ruang maya untuk para karyawan berinteraksi dan bekerjasama. Pengguna juga boleh belajar cara menulis dengan betul dan berkesan melalui program E-Penasihat (Mentor). Melalui E-Karyawan ini juga karya penulis diproses untuk diterbitkan.

Untuk menjadi Karyawan Karyanet, individu terlibat terlebih dahulu perlu mendaftar sebagai karyawan. Kata Laluan akan diberi bagi membolehkan pengguna menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh Karyanet untuk para karyawan. Para cendiakawan, saterawan, budayawan, penulis, penterjemah, pereka bentuk, dan pelukis, adalah dialu-alukan untuk menyumbangkan kepakaran dan karya.

#### **4.3.3 E-Pustaka (Gedung Maya Karyanet)**

E-Pustaka merupakan suatu konsep gedung maya dan e-dagang. Konsep e-pustaka memastikan pengguna dapat melihat semua senarai buku dan bahan rujukan lain yang ditawarkan. Pengguna diberi kebebasan sama ada melihat judul buku mengikut turutan abjad atau mengikut kategori. Pengguna juga dianggap lebih beruntung membeli bahan terbitan Karyanet melalui e-pustaka, kerana portal Karyanet

menawarkan bahan bermutu pada kadar harga yang murah dan berpatutan. Antara bahan-bahan yang terdapat dalam e-pustaka ialah:

- E-Buku
- E-Majalah (artikel)
- E-Ensiklopedia
- E-Kamus
- Buku bercetak P-Buku
- CD-ROM

#### **4.3.4 E-Penerbitan**

E-Penerbitan ialah tempat bagi syarikat atau orang perseorangan yang ingin menerbitkan hasil karya mereka atau menerbitkan apa jua bentuk bahan bacaan, bahan rujukan atau sebagainya dalam bentuk elektronik. Portal Karyanet juga menawarkan segala perkhidmatan yang berkaitan dengan penerbitan. Karyanet menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

- Penerbitan bahan dan edisi baru
- Pemasaran sejagat

### **4.4 Terbitan Karyanet**

Matlamat utama kewujudan Karyanet adalah untuk mengaktifkan semula penerbitan buku ilmiah dan buku pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, Karyanet juga menerbitkan pelbagai bahan lain untuk pelbagai peringkat pembaca. Sesuai dengan fungsi DBP, bahan-bahan berikut akan diterbitkan:

- a) Buku dalam pelbagai bidang dan peringkat
  - Buku Pengajian Tinggi
  - Buku Ilmiah
  - Buku Rujukan /Tambahan untuk Sekolah Rendah Menengah
  - Buku Informatif
  - Buku Kreatif
  - Buku Kanak-kanak
  
- b) Majalah Versi Internet
  - Majalah Dewan Budaya
  - Majalah Dewan Bahasa
  - Majalah Dewan sastera
  - Journal Dunia Melayu
  
- c) Ensiklopedia Versi Internet
  - Ensiklopedia Sains dan Teknologi
  - Ensiklopedia Umum Pelajar

- Entri pelbagai bidang daripada Sistem Pengkalan Data Ensiklopedia (SPDE) DBP.

d) Kamus

- Kamus Dewan
- Kamus Inggeris-Melayu Dewan
- Kamus Komputer
- Kamus Dwibahasa
- Kamus Pelajar
- Kamus Rendah Dewan Bergambar
- Kamus Sains KBSR Bergambar
- Kamus Arab-Melayu

e) Bahan Rujukan

- Tesaurus
- Istilah dan glosari
- Daftar Ejaan (Daftar Kata Bahasa Melayu:Rumi-Sebutan-Jawi).

f) Panduan/Pemelajaran

- Bahasa Melayu
- Bahasa Inggeris
- Tulisan Jawi

g) Laman Sastera

- Ruang untuk kegiatan sastera dalam talian, misalnya forum, bimbingan penulisan kreatif (cerpen, sajak, novel, dsb.)
- h) Ruang untuk kegiatan bahasa dalam talian, misalnya Khidmat Nasihat Bahasa, dan Soal Jawab Bahasa.
- i) Laman Kanak-kanak  
Ruang untuk kanak-kanak berkarya (Tunas Harapan), peraduan, uji bakat, panduan kerjaya, cerita animasi, dan komik.
- j) Koleksi video, audio tentang kegiatan budaya dan sastera.

#### **4.5 Proses Penerbitan**

Di peringkat awal, proses penerbitan hampir sama seperti proses penerbitan konvensional, cuma kaedah kerjanya melalui web. Setelah mendapat kelulusan untuk menulis bidang yang dipersetujui, penulis akan menulis dan boleh menghantar hasil karya sedikit demi sedikit atau sepenuhnya untuk proses penilaian, penyuntingan dan sebagainya.

Bahan yang telah disunting boleh terus diterbitkan di web untuk dicapai oleh pembaca. Dalam aspek ini, penerbitan elektronik dianggap lebih cepat dan pantas dari kaedah yang bercetak disebabkan proses percetakan tidak perlu dilalui dan sekiranya manuskrip berkenaan dianggap telah bersih maka ia terus diterbit ke dalam portal.

Untuk karya yang telah sedia siap, penulis boleh terus menghantar karya tersebut kepada Pengurus Projek Karyanet melalui web untuk dinilai dan diluluskan sebelum proses selanjutnya dilakukan.

#### **4.6 Kaedah Menghantar**

Pengguna hendaklah mendaftar sebagai Karyawan Karyanet terlebih dahulu dan seterusnya mengikut arahan yang diberikan. Penulis juga hendaklah menulis alamat e-mail untuk memaklumkan kepada Pengurus Projek Karyanet berkenaan dengan permohonan berkenaan.

#### **4.7 Hak Cipta Karya**

Hak cipta karya yang diterbitkan dalam Karyanet tetap dipegang oleh penulis. Perjanjian Lesen Penerbitan akan ditandatangani antara DBP (sebagai penerbit) dengan penulis (sebagai pemegang hak cipta karya).

#### **4.8 Manfaat Karyanet**

- Karyanet akan menjadi suatu gerbang sejahtera yang menyediakan bahan bacaan, terutamanya dalam bahasa Melayu, yang dapat dicapai di mana-mana dan pada bila-bila masa.
- Menjimatkan masa dan wang untuk memperoleh bahan bacaan dan rujukan.
- Mewujudkan kerjasama yang erat antara penulis dengan penerbit melalui suatu rangkaian kerja yang bersepada melalui internet.

- Karya boleh diterbitkan dengan lebih cepat berbanding penerbitan bercetak. Di samping itu, karya boleh dikemas kini dan edisi baru dapat dihasilkan dengan segera pada bila-bila masa.
- Karya dapat disebarluaskan dengan lebih luas dengan harga yang lebih berpatutan.
- Mengetengahkan karyawan di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- Meningkatkan penguasaan bahasa Melayu.
- Membantu menyebarkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa. Sehingga kini terdapat 20 buah negara yang mempunyai pusat pengajian Melayu di seluruh dunia. Bahan-bahan dalam bahasa Melayu boleh diakses melalui Karyanet.
- Mendedahkan konsep e-dagang kepada pengguna melalui pembelian dalam talian.
- Pengguna boleh mendapatkan pelbagai khidmat misalnya Khidmat Nasihat Bahasa dan Bimbingan penulisan dalam talian.
- Karyanet akan mewujudkan pangkalan data tentang karyawan, tenaga pakar, senarai terbitan, dan maklumat lain tentang dunia ilmu dan penerbitan.

Karyanet secara rasminya menjadi portal penerbitan web bagi DBP. Karyanet dibangunkan berasaskan teknologi komputer dan internet bagi membentuk komuniti bermaklumat yang terdiri daripada penulis, penilai, editor, pereka grafik, guru, pelajar, dan seluruh masyarakat. Pembangunan Karyanet

meliputi hampir semua konsep yang diperlukan dalam pembangunan ses sebuah portal. Karyanet dilengkapi dengan system E-Pustaka, E-Karyawan, dan E-Penerbitan. Karyanet diharap akan dapat meningkatkan citra bahasa Melayu dan melahirkan bangsa Malaysia yang mempunyai jati diri dan berketrampilan berbahasa melalui bahan bacaan dan rujukan yang bermutu yang boleh diakses dengan mudah dan cepat dalam persekitaran yang selesa dan mesra pengguna.

Bahan-bahan yang dimuatkan dalam portal Karyanet sememangnya telah ditapis dan dikaji kepentingannya terhadap masyarakat. Usaha yang dilaksanakan ini adalah untuk memastikan segala bahan penerbitan termasuk buku dan bahan-bahan penerbitan lain boleh dikategorikan sebagai bermutu dan memenuhi tuntutan semasa.

Secara umumnya proses penerbitan dalam Karyanet tidak mempunyai perbezaan yang ketara berbanding dengan penerbitan bercetak/konvensional. Perbezaan yang jelas hanyalah kepada saluran penerbitan Karyanet menerusi web. Pada peringkat awal, penulis akan menghantar tajuk dan sisnopsis yang lengkap untuk dinilai oleh badan penilai di DBP. Setelah mendapat persetujuan dan kelulusan, penulis akan menulis dan menghantar bahan sedikit demi sedikit untuk proses mengedit dan mengemaskini gaya persembahan supaya lebih berbentuk komersial. Bahan-bahan yang telah siap diedit dan disunting akan dapat terus diterbit dilaman portal Karyanet.

Pangkalan data yang merangkumi data karyawan, senarai judul yang diterbitkan, senarai buku yang paling laris di pasaran, dan maklumat-maklumat lain turut dipamerkan untuk memudahkan pengguna.

#### **4.9 Insentif**

Dari aspek insentif, pihak DBP telah memberikan dua pilihan kepada penulis selepas hasil karya mereka dipersetujui untuk diterbitkan di Web oleh Jawatankuasa Penerbitan (JKP) dan Jawatankuasa Editorial (JKE). Apa yang pasti adalah nilai yang diterima tidak kurang dari bayaran yang diperoleh jika hasil karya mereka diterbitkan dalam bentuk buku atau penerbitan bercetak. Bahan-bahan yang diterbitkan sudah tentu menjadi lebih cepat berdasarkan kepada proses penerbitannya lebih mudah berbanding dengan penerbitan konvensional. Disamping itu juga, kadar sambutan daripada golongan sasaran dijangka akan meningkat berdasarkan harga senaskah buku dalam portal semakin menurun.

#### **4.10 Proses Perolehan Judul**

Fungsi dan peranan seorang editor adalah untuk membuat perancangan dalam pembinaan judul yang akan diterbitkan dalam satu jangkamasa yang telah ditetapkan. Dalam menggerakkan penerbitan portal Karyanet, seramai 10 orang pegawai baru dilantik sebagai editor yang berfungsi sebagai seorang pengurus yang akan membuat perancangan terhadap bahan-bahan yang akan diterbitkan dalam portal berkenaan.

Untuk mendapatkan jenis atau judul buku yang hendak diterbitkan, biasanya ketua unit akan membuat perbincangan dengan editor-editor di bawahnya. Ketua unit biasanya sudah mempunyai target yang tersendiri dalam menghasilkan bilangan tertentu untuk sesuatu tahun. Di unit Multimedia, berdasarkan temubual yang telah dibuat dengan ketua unit, jumlah sasaran yang telah dibuat untuk tahun 2003 adalah sebanyak 36 judul untuk buku-buku Institut Pengajian tinggi (IPT) dan angka ini tidak termasuk buku-buku untuk golongan dewasa dan kanak-kanak. Untuk unit-unit lain selain di Unit Multimedia, terdapat unjuran-unjuran yang telah ditetapkan iaitu unjuran lima tahun sekali.

Oleh yang demikian, perbincangan yang telah dibuat dengan para editor adalah untuk mencari jalan terbaik bagi melaksanakan projek terbitan digital. Usaha ini termasuklah mencari penulis yang sesuai, mencari penilai luar yang berkelayakan dan membuat penyusunan agar judul yang dirancang itu dapat diterbitkan pada masa yang telah ditetapkan serta memenuhi kehendak bentuk dan isi.

Memandangkan kesemua editor yang bertugas adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang kurang mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang penerbitan, maka hampir kesemua mereka terpaksa berkunjung ke setiap universiti awam sebagai satu permulaan untuk mendekati para penulis. Para editor biasanya akan tertumpu kepada pensyarah-pensyarah di universiti

awam memandangkan golongan-golongan tersebut adalah kumpulan penulis yang paling ramai terlibat dalam penghasilan buku-buku untuk para pelajar di IPTA. Usaha ini juga adalah sejajar dengan peranan portal karyanet sebagai gedung ilmu yang mengeluarkan banyak buku-buku ilmiah yang difokuskan kepada pelajar-pelajar di IPTA.

Meskipun belum sepenuhnya mengenali penulis-penulis yang terlibat, namun usaha yang dilakukan oleh para editor ini tidak lain dari sesi pengenalan. Dari sudut jangka masa panjang, usaha ini mungkin satu permulaan kepada kerjasama yang akan dibuat pada masa akan datang dalam usaha memantapkan lagi kandungan portal karyanet. Di samping itu juga, para editor juga turut mengalukan kerjasama para penulis yang bukannya terdiri daripada pensyarah IPTA untuk bersama-sama menyumbangkan karya-karya mereka dalam bentuk digital.